



RAKAM KENANGAN ... Merakam kenangan selepas majlis.

# Universiti tidak pernah latih fahaman ekstremis kalangan pelajar: Taufiq

NS T 12.12/19 4

Oleh: NOOR ZAFIRA SHAFIE

**KOTA KINABALU:** Universiti tidak pernah melatih atau membentuk fahaman ekstremis dalam kalangan pelajar dan graduan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Datuk ChM Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata pihak universiti sentiasa memberi ruang kepada pelajar untuk mengekspresikan diri serta pendapat, namun masih perlu berlandaskan kepada adab dan tatasusila yang bersesuaian.

"Kita tidak pernah melatih atau menyemai semangat ekremis tidak sihat dalam kalangan pelajar, bahkan kita mem-

fokuskan kepada pembangunan modal insan yang perlu seiring dengan keperluan ilmu.

"Tidak wajar untuk pihak luar mengatakan UMS membiarkan pelajar membuat perkara tidak beretika terutamanya ketika acara keramat universiti kerana ia adalah berada diluar dugaan kita dan pada awalnya lagi kita telah memberi penerangan tentang protokol acara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita disini tengah hari kelmarin.

Menurut Taufiq, UMS komited untuk meneruskan usaha khususnya dalam mengekalkan perpaduan serta keharmoni-

nian.

"Kita kini sedang dalam meneliti dan melalui Institut Kajian Orang Asal Borneo (BORIS) mahu memfokuskan kepada usaha menterjemahkan kesepakatan dan perpaduan Sabah dalam bentuk akademik yang dalpat didokumenkan bagi tujuan ilmu.

"Hal ini kerana kita (Sabah) sememangnya memiliki kelebihan kerana kita mempunyai perpaduan yang utuh, boleh bersama dalam pelbagai situasi dan keadaan tanpa melihat perbezaan kaum dan agama sebagai halangan dan kita telah menjadi kayu ukur kepada perpaduan negara,"katanya.